

PERTANDINGAN PROJEK PENYELIDIKAN INOVASI NANOTEKNOLOGI PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

(PIN 18')

SYARAT-SYARAT DAN MAKLUMAT AM

1. Tujuan

- i. MESTECC mengambil inisiatif untuk mengadakan Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi Peringkat Kebangsaan 2018 (PIN 18') sempena Program Nano Kebangsaan 2018 (NanoKEB 18') yang akan berlangsung dari 8 hingga 11 Oktober 2018 di Technology Park Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar daripada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang mempunyai idea kreatif dan inovatif dalam menghasilkan penyelidikan bagi mencari penyelesaian masalah – masalah seperti Tenaga dan Alam Sekitar, Penjagaan Kesihatan dan Perubatan, Pertanian dan Makanan serta Elektronik dan Sistem.
- ii. PIN 18' yang dibentangkan seharusnya mempamerkan hasil penyelidikan mengikut tema yang ditetapkan seperti berikut:
- iii. Tema penyelidikan – Pembangunan nanoteknologi dan penghasilan bahan untuk aplikasi dalam sektor:

Tenaga dan Alam Sekitar: Tenaga boleh diperbaharui, penulinan dan rawatan air, penulinan udara, penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan bahan pencemar.

Penjagaan Kesihatan dan Perubatan: Pengesanan awal penyakit, penyembuhan dan pencegahan penyakit, inovasi penyampaian ubat dan perawatan. dan pertahanan terhadap penyakit berjangkit – denggi, malaria, TB dan influenza;

Pertanian dan Makanan: Perlindungan tanaman dan ternakan, peningkatan produktiviti hasil pertanian, pengesanan awal penyakit tanaman dan ternakan serta perawatan dan inovasi dalam pemprosesan dan penyimpanan;

Elektronik dan Sistem: Inovasi proses penghasilan peranti dan integrasi sistem, peranti untuk peningkatan kecekapan operasi, perubatan, tenaga dan pengesanan pelbagai fungsi.

2. Kategori:

PIN Peringkat Kebangsaan 2018 ini terbuka kepada pelajar kategori berikut:

Kategori 1: Sarjana

Kategori 2: Doktor Falsafah

3. **Hadiah**

Pertandingan ini menyediakan hadiah seperti berikut:

Kategori: Sarjana

- i. Tempat pertama : RM1500, trofi dan sijil penyertaan
- ii. Tempat kedua : RM1000, trofi dan sijil penyertaan
- iii. Tempat ketiga : RM500, trofi dan sijil penyertaan; dan
- iv. Sagu hati (2x) : RM100 dan sijil penyertaan

Kategori: Doktor Falsafah

- i. Tempat pertama : RM1500, trofi dan sijil penyertaan
- ii. Tempat kedua : RM1000, trofi dan sijil penyertaan
- iii. Tempat ketiga : RM500, trofi dan sijil penyertaan; dan
- iv. Sagu hati (2x) : RM100 dan sijil penyertaan

***Hadiah akan disampaikan pada Majlis Perasmian NanoKEB 18'**

4. **Kelayakan Pencalonan**

- i. Pertandingan ini hanya dibuka kepada pelajar – pelajar daripada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang berdaftar di institusi pengajian tinggi awam / swasta di Malaysia.
- ii. Setiap peserta hanya layak menghantar satu permohonan sahaja.
- iii. Pemenang dari tahun sebelumnya adalah tidak layak menyertai pertandingan pada tahun ini.
- iv. Penyertaan akan dinilai dan disenarai pendek untuk dipertandingkan. Calon yang berjaya disenarai pendek akan dihubungi untuk pembentangan di hadapan panel penilai yang akan diadakan semasa program NanoKEB 18' berlangsung.

5. Pemilihan Pemenang / Syarat

- i. Pencalonan akan dinilai dan disenarai pendek oleh Panel Penilai untuk pemilihan pemenang. Calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk penilaian di hadapan panel sewaktu NanoKEB 18'. Calon perlu membuat pembentangan dalam tempoh masa 20 minit termasuk sesi soal jawab.
- ii. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh Panel Juri yang dilantik dan akan dimaklumkan semasa penyampaian hadiah. **Keputusan juri adalah muktamad.** Sebarang surat menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

6. Prosedur Pencalonan

- i. Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang dilampirkan.
- ii. Pencalonan hendaklah disahkan oleh Ketua Pusat Penyelidikan/ Penyelia atau Naib Canselor Universiti atau Ketua Organisasi di mana calon belajar.

7. Tarikh Tutup Pencalonan

- i. Borang pencalonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan sebelum/ pada **14 SEPTEMBER 2018** kepada alamat berikut:

URUSETIA PERTANDINGAN PIN 18'
PUSAT NANOTEKNOLOGI KEBANGSAAN,
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM,
ARAS 4, BLOK C7
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62662 PUTRAJAYA.

No. Telefon Urus setia : 03-88858669/03-88858670
No. Faks : 03-88858686
Emel Urus setia : nanokebangsaan@mosti.gov.my

- ii. Borang pencalonan yang diterima selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan dinilai.